

28/11/1999

PM yakin BN mampu tawan Kelantan

Mutazar Ab Ghani; Norfatimah Ahmad; Fazli Arman

KANGAR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) mempunyai peluang baik untuk memenangi pilihan raya umum ke-10 di Kelantan, selain mengekalkan pemerintahan di tiga negeri yang sebelum ini dianggap kritikal.

Perdana Menteri berkata, keyakinan itu berdasarkan perkembangan terkini sebelum pengundian esok, di mana semangat BN bertambah kuat manakala sokongan terhadap kerajaan semakin nyata.

Sebaliknya, beliau berkata, barisan parti pembangkang mengalami perpecahan apabila ramai pemimpin dan anggotanya meninggalkan parti kerana hilang keyakinan terhadap pemimpin mereka.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Padang Bandaran, di sini, petang semalam. Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid.

Mengenai kerjasama dengan Pas yang beliau katakan dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, ia bukan dari segi politik, sebaliknya perkara berkaitan agama.

Terdahulu, di BUKIT MERTAJAM, Dr Mahathir menjelaskan iklan yang menyampaikan mesej supaya rakyat menyokong BN adalah bukti sokongan pengundi pasif dan senyap terhadap kerajaan sekarang.

Perdana Menteri berkata keadaan semasa negara ini mendorong rakyat untuk menyatakan pendapat dan sokongan terhadap BN melalui media cetak serta elektronik tempatan tanpa sebarang paksaan.

"Inilah satu-satunya pilihan raya yang mana majoriti pengundi pasif dan senyap ini mahu pendapat mereka didengar. Seperti sebentar tadi, saya tidak minta Kesatuan Guru dan Komuniti Sikh tampil menyatakan sokongan dan ada yang membeli iklan.

"Saya tidak bertanggungjawab dengan iklan yang disiarkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Politeknik Seberang Prai (PSP) di Jalan Permatang Pauh.

(END)